



KENYATAAN MEDIA JABATAN ALAM SEKITAR

LAPORAN STATUS KUALITI UDARA DAN JEREBU DALAM NEGARA

Indeks Pencemar Udara (IPU) yang direkodkan di laman sesawang Jabatan Alam Sekitar pada jam 3.00 petang ini menunjukkan lima (5) kawasan mencatatkan status kualiti udara pada tahap baik, enam puluh satu (61) kawasan mencatatkan status kualiti udara pada tahap sederhana dan **dua (2) kawasan mencatatkan bacaan IPU pada tahap tidak sihat pada hari ini, iaitu:**

1) Kuching, SARAWAK (IPU - 111)

2) Johan Setia, SELANGOR (IPU - 152)

Kemerosotan kualiti udara di kedua-dua kawasan terlibat masih dipengaruhi jerebu rentas sempadan. Tiada kebakaran besar berlaku yang boleh menyebabkan jerebu setempat.

Berdasarkan laporan oleh *ASEAN Specialised Meteorological Centre (ASMC)* yang berpusat di Singapura pada **24 Julai 2025**, imej satelit *National Oceanic and Atmospheric Administration (NOAA)* 20, terdapat **22 titik panas (hotspot) dikesan di Sumatera, 154 titik panas (hotspot) dikesan di Kalimantan dan 73 titik panas (hotspot) dikesan di dalam negara iaitu 16 di Sarawak dan 1 di Pahang.**

Peta Jerebu Serantau yang dikeluarkan oleh ASMC pada 25 Julai 2025 (Rajah 1) menunjukkan keadaan kering dan mendung diperhatikan di kebanyakan bahagian di Asia Tenggara, kecuali di bahagian tengah Sumatera dan Semenanjung Malaysia yang terdapat beberapa kawasan menerima hujan. Beberapa titik panas terpencil dikesan di Semenanjung Malaysia, Sarawak, Kalimantan dan Sumatera. Kepulan asap sederhana dikesan keluar dari kawasan panas di Sarawak.

JAS telah meningkatkan tindakan penguatkuasaan dan aktiviti rondaan harian ke kawasan-kawasan yang berpotensi berlakunya aktiviti pembakaran terbuka serta memantau bacaan IPU dari masa ke semasa.

Sehingga 24 Julai 2025, Jabatan Alam Sekitar (JAS) telah melakukan 4,184 rondaan darat dan 645 penerbangan dron bagi memantau aktiviti pembakaran terbuka manakala untuk tindakan penguatkuasaan pula JAS telah mengeluarkan 58 Notis Arahan, 27 tindakan mahkamah dan mengenakan 59 kompaun ke atas pihak-pihak yang didapati melakukan kesalahan berkaitan pembakaran terbuka sepanjang tahun 2025.

Pelan Tindakan Pembakaran Terbuka Kebangsaan dan Pelan Tindakan Jerebu Kebangsaan telah diaktifkan bagi menyelaraskan tindakan-tindakan agensi Kerajaan dalam menangani isu pembakaran terbuka dan menghadapi situasi jerebu negara.

Semua pemilik tanah dinasihatkan supaya memantau secara rapi kawasan-kawasan yang mudah dan sering terbakar seperti tapak pelupusan sampah, hutan, tanah gambut, ladang, kawasan pertanian dan industri serta mengambil langkah-langkah untuk mencegah pencerobohan oleh pihak-pihak yang tidak bertanggung jawab sehingga menyebabkan pembakaran terbuka sama ada untuk tujuan tertentu atau dengan tidak sengaja.

PELAN TINDAKAN JEREBU KEBANGSAAN (PTJK)

JAS melalui Pelan Tindakan Jerebu Kebangsaan **sentiasa memantau kualiti udara dari semasa ke semasa** dan tindakan yang akan diambil adalah selaras dengan PTJK yang melibatkan kesemua agensi-agensi berkaitan. Antara tindakan yang perlu dilaksanakan oleh agensi adalah:

- (i) NADMA akan mengaktifkan Jawatankuasa Pengurusan Bencana di peringkat daerah/negeri/pusat apabila bacaan IPU melebihi 150 bagi tempoh lebih daripada 24 jam;

(ii) **menghentikan semua aktiviti di luar bilik darjah apabila bacaan IPU melebihi 100;**

(iii) **Sekolah, tadika dan taska ditutup serta-merta apabila bacaan IPU melebihi 200.** Bagi tujuan ini, pihak sekolah, tadika dan taska dikehendaki sentiasa memantau bacaan IPU. Sekiranya **trend bacaan menunjukkan peningkatan ke arah 200 persediaan perlu dilaksanakan untuk menutup sekolah, tadika dan taska yang berkenaan;** dan

(iv) **Operasi Pembenihan Awan (OPA) akan dilakukan tertakluk kepada kehadiran awan dan cuaca yang sesuai pada bacaan IPU melebihi 150 bagi tempoh lebih daripada 24 jam.**

Sehubungan itu, JAS bersama Kementerian dan setiap agensi yang terlibat dalam pengurusan bencana jerebu akan sentiasa bertindak dengan lebih cepat dan responsif di atas tindakan-tindakan seperti yang disenaraikan di dalam PTJK.

NASIHAT KEPADA ORANG RAMAI

- Bacaan IPU terkini setiap jam boleh dirujuk di laman sesawang Jabatan Alam Sekitar (JAS) di alamat url, <https://eqms.doe.gov.my/APIMS/main> atau dengan memuat turun aplikasi telefon pintar rasmi MyJAS EQMS di 'Google Play' atau 'App Store'.
- Orang ramai dinasihatkan melayari laman sesawang Kementerian Kesihatan Malaysia (www.moh.gov.my) bagi mendapatkan nasihat kesihatan dan langkah-langkah pencegahan semasa jerebu;
- Orang ramai diingatkan **agar tidak melakukan pembakaran terbuka atau membiarkan tanah atau premis kepunyaan mereka dimasuki atau dicerobohi oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab sehingga menyebabkan pembakaran terbuka untuk tujuan tertentu atau dengan tidak sengaja.** Menurut Seksyen 29(A), Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974, mereka yang disabitkan dengan kesalahan melakukan pembakaran terbuka boleh dikenakan

denda sehingga RM1,000,000 (satu juta ringgit) atau penjara selama tempoh sehingga 5 tahun atau kedua-duanya sekali. Disamping itu, kompaun sehingga tidak melebihi 50% denda maksimum boleh dikenakan atas setiap kesalahan.

- Orang ramai diminta bekerjasama untuk memadam kebakaran-kebakaran kecil dan juga melaporkan kes-kes pembakaran terbuka atau kebakaran kepada Jabatan Perkhidmatan Bomba dan Penyelamat di talian **999** dan Jabatan Alam Sekitar (JAS) di talian bebas tol, **1-800-88-2727**

DATO' WAN ABDUL LATIFF WAN JAFFAR
KETUA PENGARAH ALAM SEKITAR
25 JULAI 2025



Unit Komunikasi Korporat | Jabatan Alam Sekitar (JAS)
Tel. : 03-8000 8000 | Faks : 03-8889 4763

Peta Jerebu Serantau Yang Dikeluarkan Oleh ASMC Pada 25 Julai 2025

